



Rujukan: UKM.JNA.100-1/3/27

Tarikh : 23 Ogos 2022

PENGUSAHA DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN MAKANAN

Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan/Puan,

MORATORIUM BAYARAN SEWA SELAMA ENAM (6) BULAN DAN BAYARAN CAJ UTILITI SELAMA TIGA (3) BULAN MULAI JULAI 2022 KEPADA PENGUSAHA DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN MAKANAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan itu adalah dimaklumkan bahawa UKM bersetuju untuk memberi moratorium seperti berikut:
 - 2.1 Moratorium bayaran sewa selama enam (6) bulan mulai Julai 2022 kepada pengusaha dan perkhidmatan makanan di kolej kediaman sahaja; dan
 - 2.2 Moratorium caj utiliti selama tiga (3) bulan mulai Julai 2022 kepada pengusaha dan penyedia perkhidmatan makanan di kolej kediaman sahaja.
3. Pemberian moratorium bayaran sewa ini bertujuan untuk memastikan pengusaha dan penyedia perkhidmatan makanan di kolej kediaman dapat menyajikan menu Keluarga Malaysia kepada mahasiswa/i UKM.
4. Justeru, mohon kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk mengambil perhatian dan tindakan bagi keputusan tersebut. Sila hubungi pegawai, Encik Muhammad Shazwan Mohd Shahadan di talian telefon 8921 3092 / 013 4526136 untuk sebarang kemusykilan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD

Pro-Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)/
Pengarah Eksekutif
Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
 - Pro-Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang